

MUDA BIN MOHAMAD
LWN.

KETUA PENDAKWA SYARIE, JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

[Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu (Y.A. Tuan Haji Kamarulazmi Bin Ismail, HMTS)]

[Kes Rayuan Jenayah No.: 11500-138-0002-2019- Dalam Perkara Rayuan Jenayah Syariah dalam Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu Kes Jenayah No.: 11500-138-0002-2019]

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 – *kesalahan dan hukuman berada di rumah judi di bawah peruntukan seksyen 22 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.*

FAKTA KES

[1] Tertuduh telah didakwa di atas pertuduhan di hadapan Hakim Bicara dengan pertuduhan seperti berikut:

(Pertuduhan terhadap tertuduh – Perayu dalam kes ini):

“Bahawa kamu, pada tarikh 15.02.2017 jam lebih kurang 5.40 petang, didapati berada di rumah judi bertempat di premis No. 4886, Jalan Santong, 23100 Dungun Terengganu. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan berada di rumah judi di bawah seksyen 22(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama”.

[2] Pertuduhan tersebut telah didengar di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun pada 22 Mei 2017 dengan kehadiran Perayu tanpa diwakili Peguam Syarie. Setelah pertuduhan dibacakan ke atas Perayu, Perayu mengaku faham pertuduhan, dan mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan. Semasa perbicaraan kes pendakwaan, Perayu/OKT tidak diwakili peguam walaupun nasihat telah diberikan sehinggalah kes Perayu/OKT disabitkan wujud *prima facie*, dan dipanggil untuk membela diri. Perayu/OKT telah melantik peguam apabila kes pembelaan dimulakan. Selepas proses perbicaraan selesai dijalankan, pada 23 April 2018 Hakim Bicara telah memberi satu penghakiman berhubung pertuduhan kesalahan Jenayah Syariah dengan kesalahan berada di rumah judi tersebut sebagaimana berikut:

[3] [**HUKUMAN TERHADAP TERTUDUH**] - **SAYA SABITKAN** OKT, Muda bin Mohamad, Orang Kena Tuduh, bersalah dengan kesalahan berada di rumah judi di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, **DAN SAYA HUKUM** OKT, Muda bin Mohamad, Orang Kena Tuduh, dengan hukuman denda sebanyak RM 2400.00 atau empat (4) bulan penjara jika gagal membayar denda tersebut. Hukuman berkuatkuasa mulai hari ini 23 April 2018.

Keputusan Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu.

[4] Perayu dihukum dengan hukuman denda sebanyak RM 2400.00 atau empat (4) bulan penjara jika gagal membayar denda tersebut.

Alasan Rayuan

[5] Alasan-alasan rayuan yang dikemukakan oleh Perayu dalam kes ini untuk merayu supaya dibatalkan pertuduhan dan hukuman terhadap Perayu :-

- (1) Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun terkhilaf membuat keputusan apabila mensabitkan Perayu, Muda bin Mohamad, dengan kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan dihukum dengan hukuman denda sebanyak RM 2,400.00 atau 4 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda tersebut.
- (2) Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun telah terkhilaf membuat keputusan apabila mensabitkan Perayu, Muda bin Mohamad dengan kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 sedangkan Perayu semasa ditangkap bukanlah berada di dalam premis judi.
- (3) Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun telah terkhilaf membuat keputusan apabila mensabitkan Perayu, Muda bin Mohamad, dengan kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 sedangkan premis berkenaan merupakan sebuah kedai makan yang juga menjual rokok dan Perayu pergi ke kedai berkenaan untuk membeli rokok.
- (4) Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun telah terkhilaf membuat keputusan apabila mensabitkan Perayu, Muda bin Mohamad dengan kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 sedangkan tiada sebarang kertas nombor ekor atau kertas perjudian yang dijumpai pada Perayu bagi mengaitkan beliau dengan kesalahan berkenaan.
- (5) Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun telah terkhilaf membuat keputusan apabila mensabitkan Perayu, Muda bin Mohamad, dengan kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dengan menyatakan Perayu melarikan diri setelah menyedari pihak PPS membuat serbuan sedangkan pada hakikatnya tindakan tersebut berlaku disebabkan reaksi pantas Perayu yang panik melihat orang ramai bertempiaran lari tanpa beliau mengetahui apa punca sebenar berlaku keadaan sedemikian.
- (6) Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun telah terkhilaf membuat keputusan apabila mensabitkan Perayu, Muda bin Mohamad dengan kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dengan merujuk kepada *Borang Kenyataan Yang Disyaki/Dipertuduh OKT* sedangkan amalan di Mahkamah Sivil tidak lagi menggunakan borang berkenaan untuk digunakan sebagai bukti di dalam Mahkamah. Apatah lagi ianya tidak pernah dikemukakan oleh pihak Pendakwa sepanjang prosiding perbicaraan berlangsung.
- (7) Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun telah terkhilaf membuat keputusan apabila mensabitkan Perayu, Muda bin Mohamad, dengan kesalahan di

bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 semata-mata kerana Mahkamah beranggapan tindakan Perayu yang turut sama berlari setelah melihat orang ramai melarikan diri dan dianggap tindakan tersebut adalah berdasarkan prinsip “*actus non facit reum nisi mens sit rea*”. Sedangkan sepertimana yang dinyatakan oleh Perayu beliau melarikan diri setelah panik melihat ramai orang bertempiaran lari semasa beliau sampai di tempat kejadian.

- (8) Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun telah terkhilaf membuat keputusan apabila mensabitkan Perayu, Muda bin Mohamad, dengan kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 sedangkan premis yang didakwa sebagai rumah judi tersebut bukanlah sebuah premis yang berdaftar sebagai premis judi atau dikhususkan untuk menjual nombor ekor semata-mata. Bahkan, sesiapa sahaja yang mempunyai tujuan lain seperti hendak makan, minum, membeli rokok atau sebagainya boleh juga berada di permiss berkenaan.
- (9) Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal dan/atau enggan memberi sebarang pertimbangan wajar terhadap keseluruhan fakta pembelaan yang dikemukakan oleh Perayu di dalam permohonannya dan rayuan kes ini mempunyai alasan yang kukuh untuk dibenarkan oleh Mahkamah yang Mulia.

Peguam Syarie

Perayu : *Tetuan Wan Mohd Azzidi & Co.*
Responden : *Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu*

Surah-Surah Al-Quran Yang Dirujuk

1. *Surah al-Maidah ayat 90*

Kitab Yang Dirujuk

1. *Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul al-Qada' fil Islam, terbitan Matba'ah al-'Alamiyyah, Kaherah, 1964, hlm. 54.*
2. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga (2014) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur*
3. *Osborn's Concise Law Dictionary*

Kes Yang Dirujuk

1. *Sulong bin Nain vs. Public Prosecutor (1947) 13 MLJ 138*
2. *Pendakwa Syarie Pahang lwn. V.V. Aboo A/L M. Ahammu, JH (1412)H JLD.VII BHG.11*
3. *Abdul Wahab lwn Timbalan Pendakwa Selangor [1402] JH 208*
4. *Abdul Razak Othman lwn Ketua Pendakwa Syarie Melaka [2009] JH 29 (2)*

Undang-Undang Yang Dirujuk

1. *Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001, s. 22*
2. *Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu 2001, s. 196, s197*
3. *Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, s. 11(3) (a), s. 12(2) (a), s. 13(1) (1) (a), s. 13(2) (a)*
4. *Perlembagaan Persekutuan, Fasal (2) kepada Perkara 74*

ALASAN PENGHAKIMAN

Bidangkuasa Mahkamah

- [6] Sebelum Mahkamah membuat analisa ke atas isu-isu yang berkaitan di dalam kes ini, adalah sangat mustahak bagi Mahkamah menyentuh berkenaan bidangkuasa Mahkamah, walaupun ianya tidak dipertikaikan oleh pihak-pihak. Hal ini bagi maksud menentukan bidang kuasa Mahkamah bagi memastikan bahawa keputusan yang dibuat nanti adalah menepati Hukum Syarak dan undang-undang dari berbagai sudut. Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul *al-Qada' fil Islam*, terbitan Matba'ah al-'Alamiyyah, Kaherah, 1964, yang mana pada halaman 54 telah menyebut :

هو أن يخصص ولي الأمر القاضى عند تقليده القضاء أو بعد ذل بنوع معين من القضايا ، كما لأ حوال الشخصية ، أو المدنى ، أو التجارى ، أو الجنائى إلى غير ذلك ، فلا يصح له أن ينظر فى نوع آخر غيره

Bermaksud:

“Bidangkuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidangkuasa ke atas seseorang Hakim semasa perlantikan Hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa Hakim itu mempunyai bidangkuasa tertentu sahaja seperti diberi bidangkuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang dianya diberi bidangkuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa lain yang tidak diberi kepadanya”.

- [7] Mengikut peruntukan Hukum Syarak sebagaimana yang dinyatakan itu, di Malaysia, khususnya dalam negeri Terengganu, undang-undang negeri telah memperuntukkan bidangkuasa yang diberikan oleh Pemerintah kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah. Berdasarkan peruntukan Fasal (2) kepada Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan Negeri diberi kuasa untuk membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.
- [8] Mengikut peruntukan Hukum Syara' dan bidang kuasa yang diberi oleh undang-undang bertulis, jelaslah bahawa Pemerintah diberi kuasa mengkhususkan kuasa Hakim, termasuk Hakim Syarie atau Mahkamah yang mana diketuai oleh seseorang Hakim itu. Mengenai persoalan ini bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam perkara Jenayah telah diperuntukkan di dalam subseksyen 11(3)(a) Enakmen

Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 sebagai bidangkuasa asalnya yang memperuntukkan:

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

(a) dalam bidangkuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu;

- [9] Seterusnya bidang kuasa jenayah Mahkamah Tinggi Syariah dalam mendengar kes-kes rayuan pula diperuntukkan dalam Seksyen 13(1)(a) & 13(2)(a) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang sama:

13 - Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

(1) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Syariah-

(a) dalam bidangkuasa jenayahnya, oleh pendakwa atau oleh orang yang telah disabitkan, dan rayuan itu boleh samada terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana daripadanya; dan

(b)

(2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh-

(a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintah Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda hukuman, memerintah perbicaraan semula, atau meminda, atau mengakaskan apa-apa perintah Mahkamah perbicaraan; dan

(b)

- [10] Mengikut peruntukan undang-undang yang berjalan kuatkuasanya di dalam negeri ini pada masa sekarang, menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu adalah Mahkamah yang berkompeten dan mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di dalam Enakmen-Enakmen iaitu di dalam kes ini adalah kesalahan berada di rumah judi. Justeru itu juga, berdasarkan kepada peruntukan Hukum Syarak dan Undang-Undang di atas Mahkamah berpuashati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah ini berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes Rayuan Jenayah Syariah yang dikemukakan di hadapan Mahkamah ini.

Isu-Isu

- [11] Di dalam kes ini Mahkamah berpendapat terdapat dua (2) isu persoalan utama yang menyentuh persoalan undang-undang yang perlu dipertimbangkan berkaitan rayuan Perayu ini iaitu :

(a) Sama ada Hakim Bicara telah khilaf mensabitkan Perayu/OKT dengan kesalahan di bawah seksyen 22 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan elemen-elemen kesalahan/pertuduhan

yang diperuntukkan di dalam seksyen 22 tersebut dipenuhi atau sebaliknya;

- (b) Adakah hukuman yang dijatuhkan ke atas Perayu/OKT bagi kesalahan berada di rumah judi sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 adalah relevan berdasarkan peruntukan undang-undang atau perlu diakaskan ?;

Isu Pertama: Sama ada Hakim Bicara telah khilaf mensabitkan Perayu/OKT dengan kesalahan di bawah seksyen 22 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan elemen-elemen kesalahan/pertuduhan yang diperuntukkan di dalam seksyen 22 tersebut dipenuhi atau sebaliknya?

- [12] Berkaitan isu pertama, Mahkamah menegaskan bahawa untuk mensabitkan sesuatu perbuatan sebagai suatu kesalahan, ia perlulah memenuhi elemen-elemen yang tertentu bagi kesalahan tersebut. Kegagalan untuk membuktikan wujudnya elemen-elemen yang diperlukan, menyebabkan sesuatu perbuatan itu tidak boleh disabitkan sebagai suatu kesalahan yang tertentu. Dalam isu kesalahan berada di rumah judi ini, Mahkamah merujuk kepada alasan penghakiman yang dibentangkan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun Terengganu pada halaman 31-45 Rekod Rayuan Perayu, yang mana Mahkamah dapati Hakim Bicara tidak menjelaskan dengan jelas dan terperinci berkaitan elemen-elemen bagi pertuduhan, atau kesalahan yang diperuntukkan di dalam seksyen 22 secara tafsiran yang terperinci untuk memperjelaskan kehendak penggubal undang-undang dari seksyen tersebut.
- [13] Mahkamah melihat perkara ini sebagai suatu yang penting untuk diambil tindakan sebelum sesuatu pensabitan boleh dibuat di Mahkamah bicara. Ini kerana tafsiran undang-undang dibuat bagi sesuatu peruntukan undang-undang yang bertujuan agar ianya menepati pertuduhan yang dirangka, adalah tanggungjawab kepada Hakim Bicara / Mahkamah. Justeru itu, bagi menjawab fakta persoalan pertama di atas, Mahkamah terlebih dahulu akan mentafsirkan secara terperinci tentang elemen-elemen yang diperlukan bagi pertuduhan atau kesalahan yang diperuntukkan di dalam seksyen 22 Enakmen Kesalahan tersebut. Kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 22 seperti berikut ;

Berjudi

22. (1) *Mana-mana orang yang berjudi, atau didapati berada di rumah judi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.*

(2) *Dalam seksyen ini, "rumah judi" ertinya mana-mana premis, termasuk bilik, pejabat atau gerai, sama ada terbuka atau tertutup, yang digunakan atau disimpan bagi maksud perjalanan apa-apa permainan yang keputusannya bergantung kepada nasib atau campuran kemahiran dan nasib, sama ada dibenarkan oleh mana-mana undang-undang lain atau sebaliknya, untuk mendapat wang atau nilai wang.*

- [14] Pada pendapat saya, terdapat sekurang-kurangnya dua (2) pertuduhan boleh dikenakan di bawah seksyen 22 (1) iaitu pertuduhan pertama adalah kesalahan *berjudi* dan pertuduhan kedua adalah kesalahan *berada di tempat judi*. Pertuduhan ke atas Perayu/OKT di dalam kes ini adalah bagi kesalahan kedua iaitu kesalahan berada di rumah judi. Berkaitan dengan perkataan-perkataan yang digunakan dalam peruntukan kesalahan berada di tempat judi itu, Mahkamah meneliti kepada maknanya secara harfiyyah berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga (2014) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur seperti berikut ;

“*Mana-mana orang*” - Membawa maksud individu manusia tertentu tanpa mengira jantina, rupa, umur dan bangsa.

“*yang didapati*” – ditemui, dijumpai, dilihat.

“*berada*” – hal keadaan secara fizikal dirinya berada di satu-satu tempat.

“*di rumah judi*” – sebagaimana tafsiran di dalam seksyen 22 (2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

- [15] Berdasarkan kepada pengertian secara *harfiyyah* kesalahan sebagaimana di atas, Mahkamah membuat huraian berhubung dengan beberapa ayat dalam kesalahan berada di tempat judi sebagaimana peruntukan seksyen 22 (1) tersebut iaitu:

Peruntukan ayat, **“*Mana-mana orang...*”** memberi maksud mana-mana individu atau manusia tertentu tanpa mengira apa jantainya sama ada seorang lelaki, perempuan, khunsa, pondan dan selainnya, tanpa mengira umur samada kecil atau pun besar, tanpa mengira rupa dan juga bangsa.

Seterusnya, ayat **“*...yang didapati...*”** memberi maksud ditemui, dijumpai, dilihat secara fizikal dirinya di kawasan atau tempat tersebut.

Manakala ayat, **“*...berada...*”** memberi maksud individu manusia tersebut secara fizikal dirinya adalah ditemui di satu-satu tempat.

Seterusnya ayat **“*...di rumah judi...*”** memberi maksud sebagaimana tafsiran di dalam seksyen 22 (2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 ; “mana-mana premis, termasuk bilik, pejabat atau gerai, sama ada terbuka atau tertutup, yang digunakan atau disimpan bagi maksud perjalanan apa-apa permainan yang keputusannya bergantung kepada nasib atau campuran kemahiran dan nasib, sama ada dibenarkan oleh mana-mana undang-undang lain atau sebaliknya, untuk mendapat wang atau nilai wang”.

- [16] Berdasarkan kepada pengertian literal perkataan-perkataan dan ungkapan tersebut, Saya berpendapat bahawa, maksud terminologi kepada **“*berada di rumah judi*”** sebagai, **“*Suatu tindakan (action) seseorang tanpa mengira apa jantina, rupa atau bangsanya, ditemui, didapati, dijumpai atau dilihat secara fizikal dirinya berada di rumah judi (sebagaimana tafsiran seksyen 22 (2) tanpa mengira apa yang telah, sedang atau akan dilakukannya di situ, bahkan memadai dengan keberadaannya*”**

semata-mata di tempat itu". Bagi setiap kesalahan ada unsur-unsur penting atau elemen-elemen utama bagi tujuan sabitan sesuatu kesalahan tersebut, begitulah juga dengan *kesalahan berada di tempat judi*, dengan kata-kata tuduhan iaitu ,"*...didapati berada di rumah judi...*".

Elemen-Elemen Utama Kesalahan

[17] Bagi pertuduhan kesalahan ke atas Perayu/OKT dalam kes rayuan ini iaitu dengan tuduhan "*berada di rumah judi*", Saya berpendapat, ada EMPAT (4) elemen utama yang perlu dijelaskan/dibuktikan wujud dalam kesalahan ini untuk dapat disabitkan seseorang tertuduh dengan kesalahan di bawah seksyen 22 (1) ini iaitu:

1. *Mana-mana orang yang didapati berada di rumah judi;*
2. *Sama ada "wujud perbuatan atau keadaan mana-mana orang yang dimaksudkan sebagai berada"- "actus reus"?*;
3. *Sama ada tempat yang dimaksudkan dengan keadaan berada tersebut adalah di rumah judi atau sebaliknya;*
4. *Sama ada perlu dibuktikan wujudnya niat melakukan jenayah oleh OKT - "mens rea"*.

[18] Mahkamah melihat kepada Elemen Pertama Kesalahan yang perlu dijelaskan iaitu, *adakah OKT adalah termasuk dalam pengertian ayat "mana-mana orang"?* Menjawab kepada elemen ini, peruntukan ayat, "*mana-mana orang...*" memberi maksud mana-mana individu atau manusia tertentu yang tidak mengira apa jantinya sama ada lelaki mahupun perempuan. Ayat "*mana-mana orang*" itu juga telah merangkumi di dalamnya maksud kesalahan tersebut apabila dilakukan oleh seseorang sama ada lelaki mahupun perempuan, pondan/maknyah, khunsa dan selainnya, tidak mengira rupa paras, umur, bangsa, pekerjaan mahupun status sama ada berkahwin, bujang, janda atau duda yang mana jika dilakukan oleh mereka-mereka itu, perbuatan tersebut adalah terjumlah dalam elemen pertama kesalahan berada di rumah judi di bawah seksyen 22 (1) ini.

[19] Oleh itu, berdasarkan fakta-fakta yang dibuktikan semasa perbicaraan, Mahkamah ini berpuashati bahawa Perayu/OKT Muda bin Mohamad, adalah individu yang ditangkap semasa serbuan bagi kesalahan berada di tempat judi tersebut, dan beliau memiliki jantina sebagai seorang lelaki berdasarkan kepada catatan yang dinyatakan di dalam Kad Pengenalan Perayu/OKT yang dikemukakan kepada Mahkamah, yang tertulis dengan jelas bahawa pemiliknya adalah LELAKI. Mahkamah juga dapati, semasa peringkat dipanggil membela diri, Perayu/OKT cuba membuat pembelaan *Alibi* bahawa dia tidak berada di tempat kejadian sebagaimana dalam pertuduhan, tetapi Notis Pembelaan *Alibi* itu telah ditolak oleh Hakim Bicara kerana gagal mematuhi aturan yang diperuntukkan dibawah sekyen 196 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu 2001 yang sama. Perayu/OKT juga tidak membuat apa-apa rayuan di atas penolakan Notis Pembelaan *Alibi* itu. Oleh itu, di atas fakta yang telah diterima oleh Mahkamah Bicara sebelum ini, *Saya berpuashati bahawa elemen "mana-mana orang..." adalah merujuk kepada Perayu/OKT yang memiliki jantina sebagai seorang lelaki berketurunan Melayu berusia lebih kurang 57 tahun dan sekaligus menjawab wujudnya Elemen Pertama bagi kesalahan ini.*

[20] Seterusnya, Mahkamah melihat kepada *Elemen Kedua Kesalahan* yang perlu dijelaskan/dibuktikan iaitu, *adakah wujud perbuatan yang dimaksudkan sebagai*

“berada” di rumah judi? Menjawab kepada Elemen kedua ini, di dalam pertuduhan ke atas Perayu/OKT di dalam kes di Mahkamah Rendah, Perayu telah dituduh bahawa “pada tarikh 15.02.2017 lebih kurang jam 5.40 petang, didapati berada di rumah judi bertempat di premis No. 4886, Jalan Santong, 23100 Dungun Terengganu, telah didapati melakukan kesalahan berada di rumah judi tersebut”.

- [21] Bagi maksud menjawab *elemen kedua* ini, Mahkamah merujuk kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pihak Pendakwaan semasa perbicaraan di dalam Mahkamah Rendah terdahulu, iaitu Pendakwa Syarie menyatakan bahawa Perayu/OKT semasa serbuan dibuat sedang berlari keluar dari kawasan kedai / premis No. 4886, Jalan Santong, 23100 Dungun Terengganu dan melarikan diri ke dalam semak berhampiran lereng bukit dan bersembunyi dalam keadaan meniarap dada di dalam semak itu, sebelum tangkapan dibuat ke atasnya. Kenyataan itu disokong oleh keterangan SP 1, SP 2 dan SP 3 iaitu antara PPS yang terlibat secara langsung dengan serbuan dan tangkapan ke atas Perayu/OKT.
- [22] Mahkamah merujuk kepada fakta kejadian berdasarkan keterangan kes di pihak pendakwaan yang telah mengemukakan keterangan tiga (3) orang saksi pendakwaan iaitu SP1, SP2 dan SP3 yang menyatakan mereka nampak dengan jelas Perayu/OKT dan beberapa orang yang lain sedang lari bertempiran keluar dari kawasan premis perjudian tersebut. Ketika SP 1 dan pasukannya sampai dekat dengan kedai tersebut, SP 1 nampak lebih kurang lima (5) orang lelaki berlari keluar dari dalam kedai untuk melarikan diri. SP 1 ketika diminta membuat pengecaman, telah mengenalpasti bahawa Perayu/OKT adalah salah seorang individu yang telah keluar dari dalam kedai dan terus melarikan diri dan bersembunyi di dalam semak di tepi lereng bukit berhampiran. Kedudukan Perayu/OKT pada ketika itu, digambarkan melalui Pelan Lakar (P2) yang menjelaskan kedudukan Perayu/OKT adalah pada lokasi “L6” (*Pelan Lakar dirujuk*). Keterangan yang diberi oleh SP 1 ini disokong oleh SP3 yang turut berada di situ dan menyediakan Pelan Lakar lokasi kejadian, serta juga SP 2 yang ketika itu ditugaskan menjaga di bahagian belakang kedai semasa serbuan dilakukan. Ketika sampai, SP 2 dalam keterangannya menyatakan beliau nampak Perayu/OKT dan beberapa orang lelaki lain berlari keluar dari dalam kedai dan bersembunyi di dalam kawasan semak berpayau, SP 2 telah pergi ke kawasan semak tersebut dan mendapati Perayu/OKT sedang bersembunyi di situ dalam keadaan berbaring.
- [23] Mahkamah dapati semasa kes Pendakwaan, Perayu/OKT tidak menimbulkan apa-apa keraguan berhubung dengan keterangan saksi-saksi Pendakwaan tersebut, dan tidak membuat apa-apa penafian terhadapnya, bahkan di dalam keterangan pembelaannya Perayu/OKT menyatakan bahawa dia pergi ke premis tersebut dengan tujuan untuk membeli rokok. Kenyataan Perayu/OKT itu sekaligus merupakan satuakuan atau kenyataan yang mengesahkan bahawa Perayu/OKT sememangnya berada di premis itu pada masa atau ketika serbuan dilakukan oleh pihak Penguatkuasa Agama.

Pembelaan *Alibi*

- [24] Mahkamah dapati, setelah Perayu/OKT dipanggil untuk membela diri, pada tarikh perbicaraan pembelaan kali pertama pada 05.02.2018, Peguam Perayu/OKT telah memaklumkan kepada Mahkamah Bicara bahawa Perayu/OKT ada membuat Pembelaan *Alibi* dengan memfailkan Notis Permohonan *Alibi*, Ikatan Dokumen dan membawa saksi yang didakwa mengetahui keberadaan Perayu/OKT pada masa itu sebagaimana peruntukan seksyen 197 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu

2001. Pendakwa Syarie telah membuat bantahan berhubung permohonan Peguam Perayu/OKT ini atas alasan seksyen 197 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu 2001 tersebut gagal dipenuhi oleh pihak Perayu/OKT. Mahkamah Bicara telah menerima bantahan yang dibuat oleh Pendakwa dan menolak permohonan Pembelaan *Alibi* pihak Peguam Perayu/OKT, dan Mahkamah Bicara membenarkan kes diteruskan dengan keterangan pembelaan OKT sahaja. Mahkamah dapati isu Pembelaan *Alibi* yang telah ditolak oleh Mahkamah Bicara itu ada dibangkitkan oleh Perayu/OKT di dalam Petisyen Rayuan dan hujah rayuannya, dan menyatakan bahawa Mahkamah Bicara sepatutnya memberikan peluang kepada Perayu/OKT untuk berbuat demikian.
- [25] Bagi menjawab persoalan ini, Mahkamah merujuk kepada peruntukan bagi Pembelaan *Alibi* pada seksyen 197:
- (1) Jika dalam *mana-mana perbicaraan jenayah tertuduh bercadang mengemukakan pembelaan alibi, keterangan yang menyokongnya tidak boleh diterima melainkan jika tertuduh telah memberikan notis bertulis mengenainya kepada Pendakwa sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum perbicaraan dimulakan.*
 - (2) *Notis yang dikehendaki oleh subseksyen (1) hendaklah termasuk butir-butir mengenai tempat di mana tertuduh mendakwa dia berada pada masa pelakuan kesalahan yang baginya dia dipertuduh, berserta dengan nama dan alamat mana-mana saksi yang dia berniat untuk memanggilnya bagi maksud membuktikan alibinya.*
- [26] Berbalik kepada isu Pembelaan *Alibi* ini, merujuk kepada Hujahan Bertulis Peguam Perayu/OKT dalam para 2.7 yang seolah-olah menyatakan kepada Mahkamah bahawa, Perayu/OKT dinafikan peluang/hak mengemukakan Pembelaan *Alibi* dengan alasan bahwa semasa kes di peringkat pendakwaan, yang mana Perayu/OKT tidak diwakili oleh mana-mana Peguam dan Perayu/OKT sememangnya tidak memahami prosedur Mahkamah atau kehendak undang-undang yang menghendaki Perayu/OKT hendaklah memberi notis bertulis mengenainya kepada pihak Pendakwa tidak kurang sepuluh (10) hari sebelum perbicaraan bermula.
- [27] Berhubung dengan isu Pembelaan *Alibi* yang ditimbulkan Peguam Perayu di dalam Hujahan Bertulisnya pada halaman 9, yang dirujuk sebagai menafikan hak atau peluang Perayu/OKT mengemukakan Pembelaan *Alibi*, suka untuk Mahkamah membuat ulasan yang mana, perlu difahami bahawa, “*Alibi*” adalah perkataan Latin yang bermaksud, “di tempat lain” (*elsewhere*). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrifkan “*Alibi*” sebagai, “*bukti atau keterangan (bahawa seseorang yg dituduh itu) berada di tempat lain ketika berlaku sesuatu perbuatan jenayah*”. *Alibi* adalah satu pembelaan di dalam perbicaraan jenayah. Jika seseorang didakwa atas kesalahan jenayah dan dia menyatakan bahawa pada tarikh dan masa yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan tersebut dia berada di tempat lain, maka dia pada hakikatnya mengemukakan Pembelaan *Alibi*. Sesuatu Pembelaan *Alibi* ini biasanya digunakan dalam kes di mana OKT/tertuduh ditangkap di lokasi yang berlainan dengan lokasi berlakunya jenayah, dan juga dalam kes yang melibatkan individu-individu yang dipercayai mempunyai wajah yang hampir sama.
- [28] Mahkamah menegaskan di sini bahwa Notis secara bertulis tersebut hendaklah diberikan kepada pihak pendakwaan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum perbicaraan

di peringkat pembelaan bermula, bukannya 10 hari sebelum perbicaraan kes di peringkat pendakwa. Dalam hal ini, Mahkamah dapati Mahkamah Bicara telah membuat keputusan dengan mensabitkan wujud prima facie kes ke atas Perayu/OKT pada 12.11.2017, dan tarikh Perbicaraan pembelaan untuk Perayu/OKT membela diri telah ditetapkan pada 11.12.2017. Pada tarikh itu, Perayu/OKT telah mula diwakili Peguambela Syarie, yang mana wakalah Peguam Syari'e telah dilafazkan di hadapan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun pada hari yang sama 11.12.2017. Oleh kerana baru dilantik, Peguam Syari'e Perayu/OKT telah memohon penangguhan bagi membuat persediaan untuk perbicaraan di peringkat pembelaan, dan telah dibenarkan oleh Hakim Bicara, dan ditetapkan tarikh Bicara semula pada 05.02.2018. Ini bermakna, Pihak Peguam Perayu/OKT, sebenarnya mempunyai masa yang cukup (1 bulan lebih) untuk memasukkan notis Pembelaan *Alibi* bagi pihak anakguamnya. Walaupun begitu, pada hari perbicaraan pembelaan pada 05.02.2018 itu barulah Peguam Syarie Perayu/OKT memaklumkan kepada Mahkamah Bicara bahawa Perayu/OKT ada membuat Pembelaan *Alibi* dengan memfailkan Notis Permohonan *Alibi* bersama Ikatan Dokumen berkaitan pada hari yang sama, dan juga telah membawa saksi yang didakwa mengetahui keberadaan Perayu/OKT pada masa itu sebagaimana peruntukan seksyen 197 ETJST 2001. Berdasarkan kepada fakta tersebut, Mahkamah ini berpusahati bahawa Peguam Perayu/OKT telah gagal mematuhi peruntukan seksyen 197 tersebut dan Mahkamah mengingatkan bahwa sebagai seorang Peguam yang telah lama beramal dan memahami undang-undang, Peguam Perayu/OKT sepatutnya tahu dan di dalam pengetahuannya berkenaan keperluan kepada kepatuhan peruntukan seksyen 197 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu 2001 tersebut.

- [29] Berbalik kepada kes Perayu ini juga, Mahkamah dapati Perayu/OKT telah ditangkap di lokasi kejadian yang sama iaitu dalam jarak beberapa meter sahaja daripada lokasi premis tempat serbuan tersebut. Sungguh pun ketika tangkapan dibuat, Perayu/OKT ditangkap di luar premis iaitu berhampiran dengan semak di lereng bukit berhampiran, namun Perayu/OKT sebelum tangkapan itu telah dilihat oleh saksi-saksi semasa serbuan dibuat, adalah berada di kawasan dalam premis itu yang di tandakan dengan "L6" di dalam Peta Lakaran, yang mana kemudiannya dilihat melarikan diri untuk bersembunyi di dalam semak tempat di mana dia ditangkap.
- [30] Mahkamah juga meneliti kepada Notis Permohonan Pembelaan *Alibi* dan Ikatan Dokumen yang dilampirkan dalam permohonan itu, dan Mahkamah dapati antara isu utama yang ingin dibentangkan oleh Perayu/OKT melalui Notis itu ialah Perayu/OKT terlibat dengan mesyuarat ketua-ketua blok Felda pada tarikh, hari dan masa yang sama dengan kata-kata tuduhan ke atasnya. Satu minit mesyuarat dilampirkan yang menyatakan Perayu/OKT hadir mesyuarat itu dan mesyuarat tamat pada jam 6.00 petang, manakala pertuduhan tangkapan ke atas Perayu/OKT adalah lebih kurang pada jam 5.40 petang. Mahkamah berpendapat perkara tersebut bercanggah dengan keterangan Perayu/OKT sendiri, yang mana dalam keterangan pembelaannya menyatakan bahawa dia memang berada dan pergi ke lokasi kejadian itu pada masa itu.
- [31] Maka jelas di sini bahawa menjadikan Pembelaan *Alibi* sebagai suatu pembelaan dalam kes Perayu/OKT adalah sesuatu yang tidak relevan kerana Perayu/OKT sememangnya dibuktikan melalui keterangan saksi-saksi Pendakwaan adalah berada di lokasi premis berkenaan, tambahan pula Perayu/OKT sendiri dalam keterangan pembelaannya mengakui bahawa dia memang pergi dan berada di lokasi kejadian itu.

Justeru itu, berdasarkan kepada keterangan keadaan beradanya Perayu/OKT pada masa serbuan dibuat tersebut, *Saya berpuashati dan berpendapat bahawa keadaan keberadaan tersebut telah sekaligus menjawab wujudnya Elemen Kedua Kesalahan ini.*

- [32] Seterusnya Mahkamah melihat kepada Elemen Ketiga Kesalahan dalam pertuduhan ini yang perlu dijelaskan iaitu, tempat yang dimaksudkan dengan keadaan berada tersebut adalah di “rumah judi”? Menjawab kepada Elemen Ketiga ini, Mahkamah terlebih dahulu merujuk kepada tafsiran erti “rumah judi” yang telah dibuat di dalam seksyen 22 (2) EKJST Terengganu 2001 :

(2) Dalam sekyen ini, “rumah judi” ertinya mana-mana premis, termasuk bilik, pejabat atau gerai, sama ada terbuka atau tertutup, yang digunakan atau disimpan bagi maksud perjalanan apa-apa permainan yang keputusannya bergantung kepada nasib atau campuran kemahiran dan nasib, sama ada dibenarkan oleh mana-mana undang-undang lain atau sebaliknya, untuk mendapat wang atau nilai wang.

- [33] Kembali kepada kes rayuan ini, Perayu/OKT di dalam keterangan pembelaannya mendakwa bahawa tujuan Perayu/OKT pergi ke premis beralamat No. 4886, Jalan Santong, 23100 Dungun Terengganu sejurus selepas ke bengkel kereta berhampiran, adalah kerana Perayu/OKT mendapati rokoknya habis dan Perayu/OKT bertanya kepada Mizi (mekanik kereta di bengkel) dimana boleh beli rokok, dan Mizi beritahu yang rokok ada dijual di kedai yang berada di belakang iaitu sebuah kedai makan milik seorang Cina. Perayu/OKT dalam keterangan pembelaannya juga menyatakan bahawa premis itu berbentuk rumah biasa dengan pintu dikunci dengan *grill* yang tidak boleh dimasuki. Bagi apa-apa urusan jual beli hanya dibuat melalui lubang/tingkap. Perayu/OKT ada maklum bahawa dia tidak ada nampak apa barang dijual dan tidak boleh pilih. Cara untuk membeli barang hanya beritahu kepada tuan kedai.

- [34] Merujuk kepada fizikal premis berkenaan, Perayu/OKT menyatakan dari segi luaran ianya hanya kelihatan sebagai sebuah rumah biasa yang merupakan sebuah kedai makan milik seorang individu berbangsa Cina. Oleh itu, Perayu/OKT menghujahkan bahawa premis berkenaan bukanlah sebuah premis yang berdaftar sebagai premis judi atau yang dikhususkan untuk menjual nombor ekor semata-mata, bahkan menurut Perayu sesiapa sahaja yang mempunyai tujuan lain juga boleh berada di premis berkenaan. Perayu juga menghujahkan bahawa keberadaannya di situ hanya untuk membeli rokok sahaja.

- [35] Mahkamah merujuk kepada keterangan SP 1, SP 2, SP 3 dan SP4 yang menyatakan bahawa premis tersebut ada menjalankan kegiatan menjual nombor ekor selain jualan runcit atau kedai makan. Mahkamah merujuk secara spesifik kepada keterangan SP 4 nama Wai Yook Foong yang merupakan tuan punya premis itu sendiri yang menyatakan bahawa kedai runcit tersebut selain menjalankan perniagaan barangan runcit sememangnya ada menjalankan aktiviti perjudian nombor ekor secara haram. SP 4 dalam keterangannya juga mengakui dalam 5 – 6 bulan sebelum serbuan ini, pernah pihak Pejabat Agama datang buat pemeriksaan di premis tersebut atas tujuan menyiasat kegiatan nombor ekor haram. SP 4 turut mengakui ada buat kegiatan sebagai ejen menjual nombor ekor haram secara dalam talian dan beritahu ada juga

orang Islam yang datang beli nombor ekor. SP 4 menyatakan bahawa dia telah menjalankan kegiatan menjual nombor ekor di premis itu sejak dua (2) tahun lebih.

- [36] Jika dilihat kepada peruntukan seksyen 22 (2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 di atas, apapun bentuk premis sama ada ianya pejabat, gerai, rumah, kedai runcit atau apa-apa premis sekalipun sama ada ianya secara terbuka atau tertutup sekalipun, jika premis itu turut menjalankan aktiviti perjudian sama ada perjudian tersebut dibenarkan atau tidak oleh undang-undang, sama ada premis itu berdaftar atau tidak sebagai pusat perjudian dan ia melibatkan wang atau nilai wang, maka ianya termasuk dalam pengertian sebagai rumah judi mengikut Enakmen kesalahan ini.
- [37] Melalui tafsiran seksyen 22 (2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 ini, dan keterangan yang diberi oleh SP 4 sebagai pemilik premis, maka jelas dapat difahami dan telah terjawab bahawa premis tersebut termasuk di dalam kategori rumah judi dan hujahan perayu di dalam Petisyen Rayuannya pada para.8 adalah tidak berasas sama sekali. Hal ini sekaligus memenuhi keperluan bagi Elemen Ketiga Kesalahan dalam pertuduhan ini iaitu, *“tempat yang dimaksudkan dengan keadaan berada tersebut iaitu premis No. 4886, Jalan Santong, 23100 Dungun, Terengganu adalah termasuk sebagai “rumah judi”*.
- [38] Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Perayu/OKT berkenaan penggunaan perkataan, “di rumah judi” di dalam seksyen 22 (1) tersebut, dengan perkataan “di dalam rumah judi” yang dihujahkan oleh Peguam Perayu di dalam Hujahan Bertulisnya pada halaman 10, suka untuk Mahkamah menjelaskan bahawa kedua-dua perkataan ini sebenarnya membawa maksud yang berbeza. Peguam Perayu/OKT menghujahkan pada halaman 10, Hujahan Bertulis Perayu/OKT, bahawa Hakim Bicara telah khilaf apabila menyatakan perkataan “berada di rumah judi” adalah bahasa perlambangan untuk menunjukkan keberadaan seseorang itu di tempat tersebut. Hakim Bicara juga menyatakan tidak semestinya dimaksudkan di dalam premis kerana boleh jadi dimaksudkan dengan “di dalam” dan boleh jadi “di tepi”. Alasan ini timbul apabila Perayu/OKT mempersoalkan di peringkat hujahan pembelaan kes Perayu/OKT bahawa SP 1 dan SP 2 sekadar menyatakan melihat Perayu/OKT berlari dari kawasan kaki lima premis (rujuk halaman 28 perenggan 3 dan halaman 5 perenggan 1 dan perenggan akhir Rekod Rayuan). Peguam Perayu/OKT menghujahkan bahawa, “dari kawasan kaki lima premis” tidak boleh ditafsir oleh Hakim Bicara sebagai berada di dalam rumah judi.
- [39] Bagi menjawab isu ini, Mahkamah ini ingin menarik perhatian dengan menyatakan bahawa Pihak Penggubal Undang-Undang / Enakmen dalam menggubal sesuatu seksyen telah memperhalusi dengan terperinci penggunaan sesuatu perkataan di dalam satu-satu peruntukan undang-undang supaya bertepatan dengan maksud yang dikehendaki, dan mereka memahami situasi sesuatu pertuduhan dan lokasi-lokasi dalam keadaan bagaimana sesuatu kesalahan boleh berlaku. Justeru itulah, perkataan yang digunakan di dalam seksyen 22 (1) ini adalah perkataan “di rumah judi” dan bukanlah dengan menggunakan perkataan “di dalam rumah judi”.
- [40] Mahkamah melihat, kemunasabahan atau kesesuaian penggunaan perkataan “di rumah judi” dijadikan statut sebagaimana termaktub di dalam Enakmen ini sangat bertepatan, di mana bagi melengkapkan dan memenuhi elemen sesuatu pertuduhan atas kesalahan berada “ di rumah judi” ini adalah memadai dengan keberadaan

seseorang individu di tempat tersebut (rumah judi) tanpa mengira dia berada di ruang dalam premis, di tepi kaki lima premis, di ruang tandas rumah judi tersebut atau sebagainya, sementelah pula Perayu/OKT telah pun dilihat berada di dalam premis dan melarikan diri keluar dari premis ketika serbuan dibuat. Tentu sekali, penggubal undang-undang tidak berhasrat untuk mengehadikan pertuduhan ke atas kesalahan berada “di rumah judi” ini hanya jika seseorang individu tersebut semata-mata berada di dalam premis tersebut sahaja.

- [41] Selain itu, persoalan yang mungkin boleh dicetuskan juga bagi menjawab isu ini, adakah jika sesuatu serbuan dibuat oleh Penguatkuasa mahupun Polis, adakah pesalah tidak mempunyai daya usaha untuk menyelamatkan dirinya dan meloloskan diri daripada ditangkap?. Jika sebegitu sempit penggunaan perkataan dan tafsiran yang dibuat ke atas peruntukan kesalahan tersebut, sudah pasti hasrat asal roh perundangan untuk menghalang orang Islam daripada menghampiri rumah judi dan berjudi menjadi begitu dangkal dan sukar untuk dikuatkuasakan dan mungkin gagal mencapai matlamat penggubalannya. Mahkamah berpendapat matlamat asal penggubalan seksyen 22 ini adalah bagi menghalang orang Islam di Negeri Terengganu ini khususnya dan juga di Malaysia secara amnya dari melakukan aktiviti perjudian bahkan dari berada di tempat-tempat yang menjalankan aktiviti perjudian, dan matlamat akhirnya adalah umat Islam dapat menjauhi terus segala anasir yang berhubungkait dengan perjudian kerana ianya boleh membawa seseorang itu terjerumus dalam kemungkaran dan juga menyebabkan kerosakan kepada individu, keluarga, masyarakat dan juga negara. Justeru itu, berdasarkan kepada keterangan keadaan premis di mana tangkapan dibuat ke atas Perayu/OKT pada masa serbuan tersebut dibuat, Saya berpuashati dan berpendapat bahawa premis tersebut adalah termasuk dalam takrifan “rumah judi” dan keberadaan Perayu/OKT itu adalah di rumah judi, sekaligus menjawab wujudnya Elemen Ketiga Kesalahan ini.
- [42] Seterusnya Mahkamah melihat kepada Elemen Keempat Kesalahan dalam pertuduhan ini yang perlu dijelaskan iaitu, samada perlu dibuktikan niat melakukan jenayah oleh Perayu/OKT atau sebaliknya. Elemen ke-4 ini memberikan maksud sama ada niat melakukan jenayah oleh Perayu/OKT semasa melakukan perbuatan/kesalahan “berada di rumah judi” tersebut yang berdasarkan prinsip “*actus non facit reum nisi mens rea*” adalah terpakai di dalam pensabitan kesalahan berada di rumah judi sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Dengan kata lain, adakah bagi kesalahan “berada di rumah judi” ini perlu dibuktikan *mens rea* tertuduh bahawa dia berada di situ adalah kerana mempunyai niat melakukan atau ingin melakukan aktiviti perjudian, atau pun memadai keberadaannya di situ walaupun tidak melakukan atau tidak berniat melakukan aktiviti perjudian, adalah sudah memadai untuk disabitkan kesalahan dibawah seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 ini?.
- [43] Bagi menjawab elemen keempat dalam fakta persoalan pertama ini, Mahkamah memulakannya dengan pendekatan am bahawa secara umumnya dalam setiap kesalahan jenayah yang dibawa adalah berdasarkan kepada *actus reus* (perbuatan) dan *mens rea* (niat jahat). Bagi tertuduh yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan jenayah, dia sepatutnya dibuktikan memenuhi kedua-dua elemen *actus reus* dan *mens rea* bagi kesalahan tersebut. Ssetengah peruntukan yang memperkatakan tentang sesuatu kesalahan jenayah itu akan meletakkan elemen *mens rea* ini dengan memasukkan perkataan tertentu seperti niat, mengetahui, dengan curang, cuai, dengan

jahatnya, dengan gopoh dan sebagainya. Oleh kerana kebanyakan undang-undang kini merupakan undang-undang bertulis, maka Mahkamah biasanya dalam membuat satu-satu keputusan akan cuba memberikan apakah yang pada pendapatnya dimaksudkan oleh penggubal undang-undang bertulis itu, jika tiadanya perkataan yang berbentuk *mens rea* seperti berniat, dengan curangnya, cuai, dengan jahatnya, dengan sengaja, dengan gopohnya atau pengetahuan yang dimasukkan di dalam peruntukan itu.

- [44] Dalam keadaan ini, Mahkamah ada ketikanya akan memutuskan bahawa maksud/niat penggubal undang-undang adalah untuk tidak menjadikan elemen tersebut sebagai elemen yang wajib dibuktikan untuk kesalahan itu. Namun pada masa yang sama, elemen *mens rea* merupakan elemen asas yang wajib dipenuhi untuk membuktikan satu kesalahan, sebelum tertuduh boleh disabitkan dengan kesalahan yang berkenaan. Di sinilah timbulnya isu adakah peruntukan yang tidak meletakkan elemen *mens rea* sememangnya tidak berniat untuk menjadikan elemen itu sesuatu yang perlu dibuktikan, atau adakah elemen *mens rea* itu masih perlu dibuktikan walaupun peruntukan itu membisu mengenainya. Justeru itu, di sinilah letaknya kebijaksanaan seseorang Hakim untuk mentafsirkan kehendak peruntukan tersebut.
- [45] Dalam membincangkan prinsip asas di atas, Mahkamah menegaskan terdapat kesalahan-kesalahan jenayah tertentu di dalam Undang-Undang Jenayah Sivil yang tidak memerlukan elemen *mens rea* ini dibuktikan ataupun ia boleh dikatakan dianggap tidak mustahak oleh Mahkamah. Terdapat satu jenis atau kategori kesalahan di mana tanggungan atau tanggungjawab tetap dikenakan biarpun pelakunya tidak mempunyai niat jahat sewaktu melakukan sesuatu perbuatan. Kesalahan sebegini dikategorikan sebagai kesalahan tanggungan keras (*strict liability*). Kesalahan-kesalahan tersebut yang mana *mens rea* tidak perlu dibuktikan wujud dan memadai dengan adanya perbuatan atau kesan perbuatan sahaja.
- [46] Di sini, Mahkamah ingin mengulas serba ringkas tentang apa yang dimaksudkan dengan prinsip tanggungan keras (*strict liability*) dalam Perundangan Jenayah Sivil dan kesinambungannya dengan kes yang dirayu oleh Perayu di hadapan Mahkamah ini. Menurut Osborn's Concise Law Dictionary yang mendefinisikan prinsip tanggungan keras (*strict liability*) sebagai, "*Liability without fault i.e ; a man acts at hid peril and is responsible for accidental, harm, independently of the existence of either wrongly intent or negligence*" – dapat difahami bahawa *Liability without fault* iaitu sesuatu perbuatan itu dianggap satu kesalahan walaupun *mens rea* itu tiada. Undang-undang menjustifikasi kesalahan-kesalahan tanggungan keras sebagai memenuhi perkara-perkara berikut:

1. Prinsip dalam undang-undang jenayah ialah keperluan *mens rea* dan *actus reus* bagi sabitan dan tanggungjawab jenayah. Ketiadaan unsur *mens rea* bermakna beban pembuktian semakin mudah.
2. Memastikan kepatuhan yang maksima terhadap undang-undang dan ia tidak harus dijadikan sebagai tujuan mencari kesalahan dan mengenakan sabitan.
3. Tujuan tanggungan keras diwujudkan adalah demi kepentingan awam, dan kebaikan semua pihak. Mudah bagi semua pihak untuk mengetahui apa itu perilaku jenayah.
4. *Mens rea* memudahkan Pendakwa dalam membuktikan kesalahan-kesalahan berkenaan dengan hanya melihat kepada perbuatan dan kesannya;
5. Memudahkan penyiasatan dan pendakwaan terhadap pelanggaran statut.

- [47] Justeru itu, sesuatu kesalahan itu dianggap sebagai suatu kesalahan tanggungan keras (*strict liability*) apabila unsur “*mens rea*” tidak diperlukan untuk sabitan. Ianya cukup dengan hanya membuktikan perbuatan itu telah pun dilakukan, dan ia dilakukan oleh orang yang melakukan kesalahan itu / orang yang tertuduh berkenaan. Dalam erti kata lain, orang yang melakukan kesalahan itu adalah bertanggung terhadap kesalahan itu jika perbuatannya terjumlah kepada suatu jenayah. Ia juga dapat difahami dengan kesalahan di mana Mahkamah mengetepikan elemen mental bagi mendapati tertuduh bersalah. Tertuduh mesti melakukan perbuatan itu dengan sengaja. Perbuatan itu mestilah berlaku dalam kawalannya.
- [48] Di dalam kes-kes jenayah yang melibatkan tanggungan keras (*strict liability*), OKT boleh membuat dalihan, namun beban membuktikan fakta adalah terletak ke atas dirinya bukan ke atas pihak Pendakwa. Sebagai contoh kesalahan tanggungan keras (*strict liability*) satu kes Sivil yang telah diputuskan, kes ***Sulong bin Nain vs. Public Prosecutor*** (1947) 13 MLJ 138, yang mana dalam kes ini Perayu menghadapi “*tuduhan membawa senjata api*” yang bertentangan dengan seksyen 3 (1) di bawah Arahan Awam dan Pengisytiharan Keselamatan 1946. Kesalahan tersebut ialah satu larangan keras dan mutlak. Perayu dalam hujahnya mengemukakan dalihan silap fakta di bawah Seksyen 79 Kanun Keseksaan. Namun, Mahkamah menolaknya dan menyatakan bahawa sekiranya seseorang dengan sengaja telah membawa senjata, dengan ini tiada lagi kesilapan fakta yang boleh diterima dalam perundangan. Oleh itu seseorang itu memang telah tahu bahawa dia membawa senjata dan sekaligus sememangnya berniat membawa senjata itu. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa tidak perlu dibuktikan bahawa tertuduh itu membawa senjata dengan niat untuk membunuh, membuat ugutan, menembak binatang dan sebagainya, memadai seseorang dengan sengaja membawa senjata itu dan perbuatannya itu adalah dalam kawalan dirinya.
- [49] Di sini, Mahkamah ingin menegaskan bahawa di dalam perundangan hukum Syarak, terdapat satu pendekatan kaedah hukum yang bertujuan mencegah (*prevention*) dari berlakunya sesuatu kerosakan, yang boleh dikaitkan dengan prinsip tanggungan keras (*strict liability*) dalam Perundangan Jenayah Sivil di atas tadi, yang diistilahkan sebagai “*sadd al-zara’i*”. *Sadd al-Zara’i* adalah merupakan salah satu sumber hukum dalam perundangan Islam, yang biasa digunakan dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan awam. Prinsip hukum dalam “*sadd al-zara’i*” ialah menutup, menghalang, menyekat, memotong jalan-jalan atau punca-punca serta perbuatan yang boleh membawa kepada kejahatan dan kerosakan, walaupun pada asalnya jalan-jalan atau punca-punca perbuatan itu diharuskan, tetapi apabila didapati ia membawa kepada kejahatan dan kerosakan, maka ia diharamkan dan ditegah.
- [50] Mahkamah juga ingin mengulas serba ringkas tentang apa yang dimaksudkan dengan “*Sadd al-Zara’i*”. Ia adalah terdiri dari dua perkataan iaitu “*Sadd*” dan “*al-Zara’i*”. Dalam bahasa Arab, *Sadd*, *Yasuddu*, *Saddan* bermaksud tutup. Menegah, menghalang, menyekat atau pun sumbat. Manakala *al-Zara’i* pula dari segi bahasa berasal daripada kata jamak iaitu *al-Zari’ah* (Ibnu Manzur, 1984) yang bererti “jalan, wasilah, dan sebab terjadinya sesuatu”. Di dalam perundangan Islam, terdapat dua aspek *al-Zara’i* yang dibenarkan iaitu *Fath al-Zara’i* dan *Sadd al-Zara’i*. “*Fath al-Zara’i*” bererti melaksanakan beberapa cara yang boleh mencapai kebaikan, manakala “*Sadd al-Zara’i*” pula bererti mengelak daripada melakukan sebarang cara yang mempunyai unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan. Dengan kata lain, ia memberi maksud sebagai perantaraan atau jalan yang membawa kepada wujudnya sesuatu,

sama ada kejahatan (*mafsadah*) atau kebaikan (*maslahah*) sama ada pada perbuatan atau pun perkataan.

- [51] Berdasarkan pengertian di atas dapat difahami bahawa *Sadd al-Zari'ah* adalah “menetapkan hukum larangan atas suatu perbuatan tertentu yang pada dasarnya diperbolehkan, atau dilarang, bertujuan mencegah terjadinya perbuatan lain yang dilarang”. Kesimpulannya *al-Zari'ah* merupakan *wasilah* (jalan) yang menyampaikan kepada tujuan baik yang halal atau pun yang haram. Maka jalan atau cara yang menyampaikan kepada yang haram hukumnya pun haram, manakala jalan atau cara yang menyampaikan kepada sesuatu yang wajib maka hukumnya adalah wajib juga. Sebagai contohnya perbuatan zina adalah haram, maka perbuatan-perbuatan yang membawa kepada perlakuan zina itu seperti melihat aurat wanita, berdua-duaan, dan sebagainya juga adalah haram hukumnya kerana boleh membawa kepada terjatuh dalam perbuatan zina yang jelas diharamkan itu.
- [52] Berbalik kepada kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) yang memperuntukkan perbuatan berada “*di rumah judi*” merupakan suatu kesalahan, adalah bagi maksud menghalang orang-orang Islam dari terdorong dan terjebak dalam melakukan perbuatan berjudi yang termasuk dalam salah satu dosa besar dalam Islam. Walaupun pasa asalnya berada di tempat tersebut bukanlah satu kesalahan kerana apa yang sebenarnya salah dan haram hukumnya adalah perbuatan berjudi atau bersubahat dengan aktiviti perjudian, namun bagi maksud menyekat, menghalang, mencegah orang Islam dari terceburlah dalam perbuatan judi itu, maka dibuat satu ketetapan bahawa berada di tempat perjudian itu juga adalah merupakan salah dan haram hukumnya, kerana ia boleh membawa kepada perkara yang haram. Ini kerana perbuatan berada di tempat perjudian itu adalah termasuk dalam apa-apa perbuatan yang boleh terkait dan mendorong kepada perbuatan berjudi itu sendiri (dalam maksud lain - *menghampirinya*). Kesemuanya adalah dilarang sama sekali.
- [53] Oleh itu, jelas diperuntukkan di dalam peruntukan ini bahawa berada di rumah judi itu sendiri adalah suatu kesalahan dan juga haram hukumnya berdasarkan kepada kaedah *Sadd al-Zara'i* di atas itu. Sebagai seorang Muslim, Islam melarang penganutnya untuk menghampiri tempat-tempat yang boleh membawa kemudharatan tambahan pula rumah judi yang mana perbuatan judi itu sendiri dikategorikan sebagai suatu dosa besar sebagaimana Firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Maidah* ayat 90 merupakan peringkat terakhir yang menyatakan bahawa judi adalah sesuatu yang keji dan diharamkan ke atas umat Islam yang berbunyi;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ
فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan, oleh itu hendaklah menjauhinya supaya kamu berjaya.

- [54] Mahkamah juga merumuskan bahawa adalah perlu bagi pemakaian prinsip tanggungan keras (*strict liability*) yang juga mencakupi pemakaian kaedah *Sadd al-Zara'i* (menutup jalan kerosakan) bagi kesalahan-kesalahan tertentu dalam perundangan Islam. Ini kerana ianya ternyata ada kebaikannya terutamanya sekali

bagi memelihara kepentingan awam (*Public Interest*) agar ianya tidak tergugat malah ianya adalah lebih perlu dijaga dan diutamakan. Seperti mana yang telah disebut, sekiranya semua kesalahan memerlukan unsur *mens rea* sebagai pembuktian, maka sudah tentu dalam kesalahan-kesalahan tertentu yang sukar dibuktikan unsur tersebut dan akibatnya ia tidak dapat disabitkan dengan kesalahan serta hukuman, sekaligus matlamat pencegahan dan maqasid Syariah gagal dilaksanakan.

- [55] Persoalan sama ada adakah perbuatan Perayu/OKT berada di situ adalah suatu yang salah atau tidak adalah terjawab melalui prinsip *Sadd al-Zara'i* dan juga kaedah tanggungan keras (*strict liability*) sebagaimana huraian di atas tadi. Justeru itu bagi seorang Muslim, berada di tempat-tempat sebegitu adalah merupakan suatu yang boleh membawa kepada perbuatan yang salah dan mendatangkan fitnah dan syak wasangka kecuali Perayu/OKT dapat membuktikan bahawa dia berada di situ adalah tanpa sengaja seperti dipaksa atau dibawa ke situ secara paksa, atau diluar kawalan dirinya atau atas sesuatu keperluan mendesak lain yang diberikan kelonggaran oleh Hukum syarak.
- [56] Oleh itu, berdasarkan pertuduhan di atas kesalahan “*berada di rumah judi*” di bawah seksyen 22 (1) ini, Mahkamah menegaskan bahawa kesalahan ini adalah termasuk di dalam salah satu kesalahan yang memperuntukkan prinsip tanggungan keras (*strict liability*) yang mana dilihat pembuktian berdasarkan prinsip “*actus non facit reum nisi mens rea*” adalah tidak mustahak apatah lagi apabila ianya melibatkan kepentingan awam. Menjadi suatu yang memadai di pihak Pendakwaan untuk membuktikan kejadian atau perkara itu telah pun dilakukan oleh tertuduh iaitu; (1) “tertuduh tahu bahawa tempat tersebut ada dilakukan aktiviti perjudian sama ada tahu sebelum itu atau pun pada masa itu”, dan (2) “tertuduh dengan sengaja atau dalam kawalan dirinya sendiri pergi atau berada di tempat tersebut”.
- [57] Mahkamah menegaskan bahawa bukan satu keperluan untuk pihak Pendakwa membuktikan bahawa tertuduh adalah melakukan aktiviti judi atau akan melakukannya pada masa itu atau pun tertuduh pergi ke situ dengan tujuan untuk berjudi, kerana elemen tersebut adalah untuk pertuduhan bagi kesalahan berjudi, manakala kesalahan ini adalah “*berada di rumah judi*”.
- [58] Justeru itu, Mahkamah menegaskan bagi elemen kesalahan keempat yang berkaitan dengan keperluan *mens rea* tertuduh semasa kesalahan dilakukan, memadai dengan dibuktikan dua (2) perkara di atas tadi iaitu ; -

1. Tertuduh tahu bahawa tempat tersebut ada dilakukan aktiviti perjudian sama ada tahu sebelum itu atau pun pada masa itu – ini kerana tempat-tempat diadakan aktiviti perjudian ada yang dibuat secara terbuka seperti rumah judi berlesen, dan ada yang dibuat secara tertutup atau tersembunyi samada dilakukan disebalik aktiviti perniagaan biasa seperti kedai runcit atau memang di tempat yang terpencil dan disembunyikan. Sekiranya tertuduh telah tahu tempat itu ada aktiviti perjudian dan pergi ke situ, maka jelaslah tertuduh memang bermaksud untuk berada di rumah judi itu. Sekiranya tertuduh hanya tahu tempat itu diadakan aktiviti perjudian semasa sampai di situ, sayugianya tertuduh meninggalkan tempat itu dengan segera kerana tiada keperluan mendesak untuk dia berada di situ. Tetapi jika dia tetap berada di situ, maka

menunjukkan dia tahu dan mahu berada di rumah judi itu dan memenuhi kriteria *mens rea* pertama ini.

2. Tertuduh dengan sengaja atau dalam kawalan dirinya sendiri pergi atau berada di tempat tersebut – yang mana tiada apa-apa unsur paksaan, ugutan, di luar kawalan diri dan sebagainya.

- [59] Kedua-dua perkara di atas perlu dibuktikan wujud bagi menjadikan elemen keempat kesalahan iaitu *mens rea* tertuduh adalah wujud semasa kesalahan berada di rumah judi itu dilakukan. Ia adalah satu beban yang ringan ke atas pihak pendakwaan kerana boleh dikaitkan dengan fakta-fakta yang menjadi qarinah-qarinah bagi elemen itu. Manakala beban bukti ke atas pihak tertuduh pula sekiranya dipanggil membela diri, bagi membuktikan ketidakwujudan dua (2) kriteria di atas tadi semasa kesalahan dilakukan, yang sekiranya berjaya dibuktikan akan menjumlah pembebasan dirinya dari kesalahan. Situasi ini adalah hampir sama dengan prinsip dalam kes kesalahan tanggungan keras (*strict liability*) di dalam jenayah Sivil.
- [60] Dalam isu ini Mahkamah merujuk kepada Petisyen Rayuan Perayu/OKT pada para. 7 bahawa Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun telah terkhalaf membuat keputusan apabila mensabitkan Perayu/OKT, Muda bin Mohamad, dengan kesalahan di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 semata-mata kerana Mahkamah beranggapan tindakan Perayu yang turut sama berlari setelah melihat orang ramai melarikan diri dan dianggap tindakan tersebut adalah berdasarkan prinsip, “*actus non facit reum nisi mens sit rea*”. Sedangkan sepertimana yang dinyatakan oleh Perayu/OKT beliau melarikan diri setelah panik melihat ramai orang bertempiaran lari semasa beliau sampai di tempat kejadian.
- [61] Dalam meneliti kepada elemen kesalahan ke-4 ini, Mahkamah terlebih dahulu melihat kepada fakta keterangan kes di pihak pendakwaan yang telah mengemukakan keterangan tiga (3) orang saksi pendakwaan iaitu SP1, SP2 dan SP3 yang menyatakan mereka nampak dengan jelas Perayu/OKT dan beberapa orang yang lain lari bertempiaran keluar dari kawasan premis perjudian tersebut. Ketika SP 1 dan pasukannya sampai dekat dengan kedai tersebut, SP 1 nampak lebih kurang 5 orang lelaki berlari keluar dari dalam kedai untuk melarikan diri. SP 1 ketika diminta membuat pengecaman, telah mengenalpasti bahawa Perayu/OKT adalah salah seorang individu yang telah keluar dari dalam kedai dan terus melarikan diri dan bersembunyi di dalam semak di tepi lereng bukit berhampiran. Kedudukan Perayu/OKT pada ketika itu, digambarkan melalui Pelan Lakar (P2) yang menjelaskan kedudukan Perayu/OKT adalah pada lokasi “L6” (*Pelan Lakar dirujuk*). Keterangan yang diberi oleh SP 1 ini disokong oleh SP3 yang turut berada di situ dan menyediakan Pelan Lakar serta SP 2 yang ketika itu ditugaskan menjaga di bahagian belakang kedai. Ketika sampai, SP 2 nampak Perayu/OKT dan beberapa orang lelaki lain berlari keluar dari dalam kedai dan bersembunyi di dalam kawasan semak berpayau, SP 2 telah pergi ke kawasan semak tersebut dan mendapati Perayu/OKT sedang bersembunyi dalam keadaan berbaring.
- [62] Dalam menjawab persoalan berkaitan prinsip, “*actus non facit reum nisi mens rea*”, Mahkamah mendapati jelas dari sudut keterangan saksi-saksi dan keterangan Perayu/OKT sendiri bahawa ketika serbuan dibuat Perayu/OKT telah melarikan diri dari premis dan bersembunyi di dalam semak berhampiran. Tindakan Perayu/OKT

melarikan diri dan bersembunyi di dalam semak adalah merupakan *qarinah* untuk mengelak diri daripada ditangkap hasil dorongan suatu pemikiran yang bersalah.

- [63] Menyebut tentang *qarinah* dalam tindakan Perayu/OKT ini, terdapat contoh kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah dan boleh dijadikan panduan iaitu, ***Pendakwa Syarie Pahang lwn V.V. Aboo A/L M. Ahammu, JH (1412)H JLD.V11 BHG.11*** yang mana di dalam kes ini, tetuduh telah ditangkap kerana memasuki kasino di Genting Highlands kerana mencari kawannya. Mahkamah mengatakan tertuduh bersalah kerana mengunjungi kasino di Genting Highlands tersebut berdasarkan *qarinah* yang ada di dalam kes ini. *Qarinah* itu ialah yang pertamanya, dia berada di dalam kasino. Tanpa mengambil kira sama ada dia melawat ataupun dia sedang mencari kawannya. Keduanya, *qarinah* menunjukkan tertuduh sengaja masuk dalam kasino ialah kerana semasa dia ditangkap dalam kasino, dia berpakaian baju batik yang mana “*dress code*” untuk memasuki kasino tersebut ialah berbaju batik. *Qarinah* yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah Bentong menunjukkan bahawa dia sengaja masuk di dalam kasino dan ia adalah tempat yang diharamkan bagi orang Islam.
- [64] Perayu/OKT dalam sesi soal balas pada kes peringkat pendakwaan, menyatakan di dalam Mahkamah bahawa ketika beliau sampai di dalam premis tersebut, tiba-tiba dilihat orang ramai dalam keadaan kelam kabut keluar dari premis dan Perayu/OKT terdengar orang berkata, “*lari...lari...Penguatkuasa mari*”.
- [65] Sekiranya Perayu/OKT tidak mempunyai sebarang pemikiran bersalah, sudah tentu Perayu/OKT tidak akan melarikan diri kerana orang yang datang membuat serbuan itu adalah Penguatkuasa Syariah, bukannya perompak, penyamun mahupun orang gila. Alasan yang diberikan Perayu dalam keterangannya bahawa beliau turut bertindak lari keluar dari premis tersebut kerana “terpinga-pinga” adalah tidak berasas sama sekali, tidak disokong oleh keterangan yang lain dan lebih kepada penafian kosong semata-mata.
- [66] Mahkamah juga melihat bahawa keterangan keempat-empat saksi Pendakwaan yang telah dikemukakan pihak Pendakwaan pada peringkat keterangan kes pendakwaan adalah konsisten. Saksi-saksi yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan adalah:
1. Mohd Fahir bin Razak (SP 1);
 2. Mohd Iqbal bin Mohamad (SP 2);
 3. Abd. Rahman bin Mamat (SP 3);
 4. Wai Yook Foong (SP 4).
- [67] Sepanjang keterangan langsung oleh keempat-empat saksi Pendakwa dan disokong oleh keterangan dokumentar, Mahkamah dapati tidak berlaku sebarang percanggahan keterangan di antara saksi-saksi atau *break chain of evidence*. Ekoran dari itu juga, pihak Pendakwaan telah berjaya mensabitkan wujudnya *prima facie* kes pada 13 November 2017.
- [68] Manakala, dalam meneliti kepada kes rayuan ini, Mahkamah menyenaraikan dalihan yang dibuat Perayu/OKT dalam kes ini sebagaimana berikut: -

{ *Didakwa di bawah seksyen 22 (1) EKJST Terengganu 2001 atas kesalahan berada di rumah judi* }

Dalam dalihan Perayu iaitu –

1. Niatnya Perayu/OKT ke premis itu untuk membeli rokok sahaja kerana rokoknya habis;
2. Dalihan Perayu/OKT menyatakan perbuatan beliau melarikan diri adalah kerana panik melihat ramai orang bertempieran lari semasa beliau sampai di tempat kejadian tanpa mengetahui apa punca sebenar keadaan sedemikian berlaku;
3. Dalihan tangkapan dibuat ketika Perayu/OKT tidak berada di dalam rumah judi tetapi Perayu/OKT berada beberapa meter dari premis tersebut.

[69] Berbalik kepada percubaan Perayu/OKT untuk menyatakan bahawa dia ketika berada di rumah judi itu adalah untuk suatu keperluan lain iaitu membeli rokok sahaja, ditegaskan bahawa beban membuktikan fakta bahawa dia tidak bersalah berada di tempat itu adalah terbeban ke atas dirinya. Di dalam kes ini, Perayu/OKT telah diberikan peluang dan ruang yang luas pada peringkat pembelaan untuk mengemukakan saksi-saksi bagi menyokong keterangannya di peringkat pembelaan, namun Mahkamah mendapati Perayu/OKT gagal mengemukakannya yang telah mengakibatkan keterangan Perayu/OKT hanya tinggal sebagai keterangan semata-mata tanpa apa-apa sokongan.

[70] Dalam kes yang dirayu ini juga, bagi dalihan Perayu/OKT menyatakan perbuatan beliau melarikan diri adalah kerana panik melihat ramai orang bertempieran lari semasa beliau sampai di tempat kejadian tanpa mengetahui apa punca sebenar keadaan sedemikian berlaku, Mahkamah melihat bahawa semasa peringkat keterangan pembelaan, Perayu/OKT gagal membuktikan dalihannya dan dalihan tersebut sekadar pernyataan semata-mata dan ianya tidak dapat mematahkan keterangan pihak pendakwaan yang menyatakan Perayu/OKT pada masa serbuat dibuat melarikan diri dari dalam kedai dan bersembunyi di dalam semak secara meniarap dada itu adalah qarinah kepada “pemikiran salah” (*mens rea*). Keadaan perlakuan Perayu/OKT itu telah menjadi satu *qarinah* atau fakta yang berkaitan yang menunjukkan kepada wujudnya perbuatan salah tersebut dengan sebenarnya.

[71] Perayu/OKT dalam keterangan pembelaan juga gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Sungguhpun terdapat pelbagai keterangan di pihak Perayu yang didatangkan dengan fakta dan versi yang berbeza-beza tetapi kesemuanya dinilai Mahkamah sebagai keterangan yang tidak dikemukakan dan tidak disokong oleh mana-mana saksi sekaligus telah gagal mematahkan kes pendakwaan. Berdasarkan kepada dua (2) perkara yang perlu dikemukakan dalam elemen kesalahan keempat sebagaimana huraian di atas tadi, Mahkamah berpuashati seperti berikut ;

- (1) Perayu/OKT adalah tahu bahawa di premis tersebut itu ada aktiviti perjudian sebelum atau semasa berada di premis itu. Dapatan dibuat berdasarkan fakta-fakta yang menjadi qarinah antaranya Perayu/OKT telah lama datang ke bengkel kereta milik Mizi itu sebelum ini samada untuk servis atau baiki kereta dan premis judi itu lokasinya adalah di belakang bengkel itu. Keadaan di premis tersebut berdasarkan “Pelan Lakar” lokasi kejadian jelas memperlihatkan wujudnya aktiviti perjudian kerana terdapat beberapa meja dan kerusi tempat digunakan untuk mengisi nombor ekor dan pada masa itu terdapat ramai yang sedang melakukan aktiviti perjudian dan melarikan diri

termasuk Perayu/OKT sendiri apabila serbuan dilakukan. Perayu/OKT sendiri dalam keterangan pembelaannya menyatakan kepada Mahkamah bahawa sebelum ini dia pernah bermain nombor ekor tetapi telah insaf dan tinggalkan perkara tersebut. Kenyataan itu sebenarnya menguatkan lagi qarinah bahawa Perayu/OKT sebenarnya tahu bahawa di premis itu ada dilakukan aktiviti perjudian dan dia masih berada di tempat itu. Dalihan Perayu/OKT kerana ingin membeli rokok bukanlah satu keperluan yang boleh diambilkira oleh Syara', bahkan Perayu/OKT telah tidak mengemukakan apa-apa keterangan sokongan bagi pihaknya dan sekadar keterangan penafian dirinya semata-mata.

- (2) Keberadaan Perayu/OKT di premis tersebut pada masa itu adalah dengan keinginan dirinya (sengaja) dan di bawah kawalan dirinya sendiri. Dapatan dibuat berdasarkan kepada keterangan Perayu/OKT sendiri dalam pembelaannya yang tiada apa-apa sokongan itu, bahawa dia pergi ke situ kerana ingin membeli rokok dan tiada apa-apa pembelaan dari Perayu/OKT bahawa tiada unsur kesengajaan, atau wujud unsur paksaan atau di luar kawalan dirinya sendiri dalam perkara itu.

[72] Oleh itu, berdasarkan kepada elemen yang dinyatakan tersebut yang wujud dalam perlakuan dan perbuatan Perayu/OKT semasa ditangkap dan melalui keterangan pembelaan Perayu/OKT sendiri di dalam Mahkamah, Saya berpuashati dan berpendapat bahawa keempat-empat elemen tersebut telah dipenuhi dan menunjukkan dengan jelas bahawa perbuatan Perayu/OKT dalam keadaan sedemikian adalah sebenarnya dengan sengaja melakukan perbuatan kesalahan berada di rumah judi. Keadaan perlakuan dan tindakan Perayu/OKT itu sendiri telah menjadi satu qarinah atau fakta yang berkaitan yang menunjukkan kepada wujudnya perbuatan kesalahan tersebut dengan sebenarnya.

[73] Justeru itu, berdasarkan huraian-huraian di atas, Mahkamah berpuashati dan berpendapat bahawa Perayu/OKT telah gagal membuktikan melalui dalihan-dalihannya bahawa dia tidak bersalah dan prinsip tanggungan keras (strict liability) adalah terpakai dalam mensabitkan Perayu/OKT bersalah di atas kesalahan berada di rumah judi. Mahkamah ini juga berpuashati bahawa Hakim Bicara adalah tidak khilaf dari segi fakta, Hukum Syara' dan Undang-Undang apabila mensabitkan kesalahan ke atas Perayu/OKT, dan Mahkamah ini mengekalkan sabitan bersalah ke atas Perayu/OKT yang telah diputuskan oleh Hakim Bicara ke atas Perayu/OKT itu, dan sekaligus menjawab isu persoalan pertama permohonan rayuan ini.

Isu Kedua: Adakah hukuman yang dijatuhkan ke atas Perayu/OKT bagi kesalahan berada di rumah judi sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 adalah relevan berdasarkan peruntukan undang-undang atau perlu diakaskan ?

[74] Dalam isu ini, Mahkamah merujuk kepada hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun iaitu mengenakan ke atas Perayu/OKT, Muda bin Mohamad, dengan hukuman denda sebanyak RM 2400.00 atau 4 bulan penjara jika gagal membayar denda tersebut.

[75] Merujuk kepada Petisyen Rayuan, Mahkamah dapati Perayu/OKT pada keseluruhan Petisyennya tidak menyebut berkaitan kadar hukuman yang telah dijatuhi oleh Hakim

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun terhadapnya sama ada berat atau melampau dan sebagainya. Petisyen Rayuan Perayu/OKT adalah fokus dan berkisar tentang kekhilafan Hakim Bicara dalam soal pensabitan yang dibuat ke atasnya bagi kesalahan yang diperuntukkan di bawah seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 sahaja. Ini bermakna, matlamat utama rayuan dibuat agar Perayu/OKT dapat dibebaskan terus dari pertuduhan dan kesalahan ke atasnya, dan tindakan sebegitu dibuat seolah-olah Perayu/OKT begitu berkeyakinan bahawa dia akan berjaya di dalam rayuannya.

- [76] Namun demikian, di dalam korum rayuan di hadapan Mahkamah Tinggi ini, sebagai Mahkamah Atasan, Mahkamah mengambil inisiatif untuk mengulas beberapa persoalan penting yang mungkin tidak diambil berat oleh Perayu/OKT selain daripada rayuan terhadap sabitan kes.
- [77] Merujuk kepada penghakiman yang diberi oleh Hakim Bicara dalam kes ini, antara persoalan yang dilihat, adakah hukuman yang dijatuhi tersebut masih termasuk di dalam had yang diperuntukkan dalam undang-undang yang dikanunkan?
- [78] Bagi menjawab persoalan ini, merujuk kepada Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, hukuman yang dipertuntukkan adalah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Berdasarkan peruntukan ini, jelas bahawa hukuman yang dijatuhi oleh Hakim Bicara adalah tidak menyanggahi had peruntukan yang termaktub di dalam Enakmen. Dalam kes ini, Hakim Bicara mengambil pendekatan kombinasi dua jenis hukuman iaitu di antara hukuman denda atau penjara. Mahkamah juga dalam meneliti Petisyen Rayuan dan hujahan Perayu/OKT tidak mendapati sebarang rayuan untuk pengurangan kadar hukuman dibuat oleh Perayu/OKT .
- [79] Seterusnya, Mahkamah menilai adakah semasa Hakim Bicara menjatuhkan hukuman atas sabitan bersalah tersebut telah mengambil kira faktor-faktor bersangkutan kes dan keadaan Perayu/OKT?. Dalam menjawab persoalan ini, Mahkamah merujuk kepada alasan penghakiman Hakim Bicara yang disertakan pada halaman 31– 45, Rekod Rayuan Perayu/OKT. Mahkamah dapati Hakim Bicara ada menyatakan bahawa pensabitan bersalah dibuat ke atas OKT kerana segala perlakuan salah Perayu/OKT telah berjaya dibuktikan dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan sebelum ini yang secara langsung menunjukkan OKT “bersalah” melakukan kesalahan yang dipertuduhkan ke atasnya. Mahkamah dapati Hakim Bicara tidak menyenaraikan alasan atau faktor mengapa Hakim Bicara memilih menjatuhkan hukuman secara kombinasi pilihan, iaitu denda atau penjara kepada Perayu/OKT.
- [80] Meneliti kepada isu ini, sebagai Mahkamah yang mendengar rayuan, Mahkamah akan memberi sedikit pencerahan berdasarkan pengamatan Mahkamah dalam kes ini berkaitan faktor-faktor yang wajar diambil kira oleh seseorang Hakim dalam menjatuhi sesuatu hukuman. Ianya adalah sebagai suatu panduan kepada Mahkamah Bawahan dalam memberi penghakiman di dalam satu-satu kes jenayah. Kembali kepada kes yang dibentangkan di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah berpandangan bahawa untuk tidak menimbulkan sebarang persoalan, adalah menjadi tanggungjawab Hakim Bicara di Mahkamah Rendah untuk menjelaskan mengapa pemilihan kombinasi hukuman secara pilihan iaitu denda atau penjara dijatuhkan ke atas Perayu/OKT dalam kes ini.

- [81] Menjadikan Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001 sebagai tunjang, di mana seksyen 12 (2) Enakmen berkenaan menyentuh tentang bidangkuasa jenayah dalam menentukan had hukuman maksimum yang diberikan kepada Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman iaitu :

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah-

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

- [82] Pada hemat Mahkamah, di dalam kes ini, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dalam menentukan jenis dan kadar hukuman yang bakal dijatuhkan ke atas pesalah.

Pertama : Besar atau kecil sesuatu kesalahan yang dilakukan

Kesalahan berada di rumah judi di bawah seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 merupakan kesalahan yang berat di sisi Hukum Syarak. Tahap beratnya sesuatu kesalahan itu adalah dinilai daripada hukum perbuatan berjudi itu sendiri yang tergolong di dalam salah satu daripada dosa besar (*al-Kabair*). Firman Allah SWT di dalam ayat 90 surah *al-Maidah* jelas menegaskan bahawa judi adalah sesuatu yang keji dan diharamkan ke atas umat Islam. Sekiranya perbuatan judi itu sendiri telah diharamkan oleh agama, maka perbuatan menghampiri atau berada di tempat-tempat yang boleh mengundang dan mempengaruhi seseorang terarah kepada kesalahan judi itu juga adalah dilarang agama. Justeru itu, adalah wajar hukuman yang berat diberi sepadan dengan kesalahan berat yang telah dilakukan pesalah.

Kedua : Faktor usia Perayu/OKT ketika kesalahan dilakukan

Dalam kes ini, Perayu/OKT telah berusia 57 tahun ketika mana kesalahan tersebut dilakukan. Secara umumnya, pada usia-usia sebegini Perayu/OKT sewajarnya tidak lagi terlibat dengan perkara-perkara yang dilarang oleh Hukum Syarak. Usia 57 tahun boleh dikira sebagai usia yang telah melangkaui tempoh usia kematangan berfikir dan mempunyai hala tuju dalam kehidupan, telah boleh berfikir secara baik mana yang betul dan salah, mana yang baik dan sebaliknya lebih-lebih lagi Perayu/OKT adalah seorang lelaki yang menjadi Ketua Keluarga. Pada lazimnya, faktor usia yang telah memasuki umur warga emas ditambah dengan status Perayu/OKT sebagai Ketua Blok JKKR Felda Kerteh 5, Perayu/OKT sewajarnya menjadi contoh tauladan yang baik kepada orang-orang yang dipimpinnnya bukan sebaliknya. Justeru, faktor usia Perayu/OKT ini wajar dijadikan salah satu faktor pemberatan dalam pertimbangan Hakim Bicara dalam menentukan hukuman.

Ketiga : Faktor kepentingan awam

Dalam faktor ini, sesuatu hukuman yang hendak dijatuhkan oleh Hakim Bicara terhadap Perayu/OKT hendaklah mengambilkira aspek kepentingan awam. Persoalan tentang adakah hukuman yang diputuskan itu dapat memberi kesedaran kepada orang awam dan boleh menjadi sebagai suatu pencegahan kepada mereka daripada mengulang perlakuan jenayah yang sama?. Mengambil berat tentang implikasi hukuman kepada masyarakat awam sesungguhnya menjadi suatu tanggungjawab seseorang dalam memberi penghukuman. Seseorang Hakim perlu faham bahawa sesuatu kesalahan yang dilakukan pesalah tidak terhenti sekadar setelah hukuman dijatuhkan olehnya, bahkan ia jauh daripada itu. Seseorang Hakim yang baik akan memandang hukuman yang dijatuhinya dari sudut pandang hadapan. Tanggungjawab dalam perundangan tidak dinafikan telah terpenuhi, namun adakah implikasi hukuman itu mencukupi untuk menginsafkan Perayu/OKT daripada mengulangi kesalahannya. Selain itu, Hakim Bicara juga perlu bijak menilai adakah hukuman tersebut sebagai hukuman yang boleh mengurangkan kadar *residivisme (kecenderungan nelakukan jenayah)* dalam perlakuan jenayah. Seterusnya, memandang aspek yang lebih luas, adakah hukuman itu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang mempunyai rasa gerun untuk melakukan kesalahan kerana takutkan Allah SWT bukan setakat kerana hukuman yang ada semata-mata. Oleh itu, Hakim Bicara perlu memilih bentuk hukuman yang dirasakan sesuai dan jumlah denda yang berpatutan.

- [83] Merujuk kepada kes rayuan ***Abdul Wahab lwn Timbalan Pendakwa Selangor*** [1402] JH 208, memetik kata-kata Hakim Haji Mohammed Azmi bin Dato Haji Kamaruddin menyebut:

“Apabila menimbangkan sesuatu hukuman, faktor yang sehabis penting adalah kepentingan umum (public interest). Ini bergantung kepada banyak fakta-fakta seperti beratnya kesalahan yang telah dilakukan sama ada tertuduh seorang penjenayah yang tidak mungkin bertaubat dan sebagainya”.

- [84] Dalam hal ini, kaedah *fiqhiyyah* juga ada menggariskan bahawa,

المصلحة العامة تقدم على المصلحة الخاصة

Bermaksud:

“Perbuatan mencakupi kepentingan umum lebih diutamakan daripada kepentingan sendiri”.

- [85] Selain itu, merujuk kepada isu kepentingan awam ini, Mahkamah mengambil panduan dalam kes ***Abdul Razak Othman lwn Ketua Pendakwa Syarie Melaka*** [2009] JH 29 (2), Mahkamah Rayuan Melaka menyatakan ;

“Dalam mempertimbangkan hukuman antara prinsip dan faktor yang utama adalah kepentingan umum atau masalah ‘ammah dan bergantung pada beratnya kesalahan yang dilakukan Perayu”.

- [86] Oleh itu, dalam menjawab *isu fakta persoalan kedua* ini, Mahkamah bersetuju dan berpuashati dengan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Bicara dan Mahkamah berpendapat ianya adalah suatu hukuman yang *bersesuaian dan relevan serta selari dengan prinsip-prinsip perundangan* berdasarkan pertimbangan kepada

panduan-panduan penentuan hukuman di dalam undang-undang Islam. Mahkamah dengan ini *mengekalkan* jenis dan kadar hukuman yang telah dibuat oleh Hakim Bicara dalam kes ini.

Rumusan Akhir Mahkamah

[87] Maka dengan ini, Mahkamah tidak dapat memberi pertimbangan terhadap rayuan Perayu dan rayuan ini ditolak dan, sabitan dan hukuman ke atas perayu bagi kesalahan berada di rumah judi di bawah seksyen 22 (1) enakmen kesalahan jenayah syariah (takzir) (terengganu) 2001 adalah dikekalkan sebagaimana perintah mahkamah rendah syariah daerah dungun bertarikh 23 april 2018 dalam kes jenayah no: 11002-138-0085-2017 DAN Hukuman Denda RM 2400.00 atau empat (4) bulan penjara jika gagal membayar denda ke atas Perayu dilaksanakan serta merta mulai dari tarikh Perayu hadir menyerah diri atau penangkapan ke atasnya dibuat.

KEPUTUSAN

1. **SAYA SABIT** bahawa Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun tidak khilaf dari segi undang-undang dan Hukum Syarak di atas sabitan dan hukuman yang dijatuhkan ke atas Perayu dalam kes Jenayah No: 11002-138-0085-2017 bertarikh 23 April 2018;
2. **SAYA PERINTAH** rayuan oleh Perayu, Muda bin Mohamad **DITOLAK** ;
3. **SAYA PERINTAH** hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Bicara MRSD Dungun ke atas Perayu tersebut **DIKEKALKAN** ;
4. **SAYA PERINTAH** hukuman tersebut berkuatkuasa serta merta pada hari ini, 30 Oktober 2019 bersamaan 02 Rabiul Awwal 1441

ULASAN KES

MUDA BIN MOHAMAD
LWN.
KETUA PENDAKWA SYARIE
JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

Oleh:

Dr. Mohd Badrol bin Awang
Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu
Alamat E-mail:
badrolawang@unisza.edu.my

Pendahuluan

Saya telah dibekalkan dengan penghakiman kes di atas di peringkat rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu. Saya tidak dibekalkan dengan penghakiman Mahkamah Rendah Syariah yang telah mendengar dan memutuskan kes di peringkat pendengaran pertama. Saya telah membaca penghakiman yang dibekalkan dan ingin mengulas beberapa isu yang saya anggap penting.

Pertuduhan

Tertuduh telah didakwa di hadapan Hakim Bicara dengan pertuduhan seperti berikut:

*“Bahawa kamu, pada tarikh 15.02.2017 jam lebih kurang 5.40 petang, didapati berada di rumah judi bertempat di premis No. 4886, Jalan Santong, 23100 Dungun Terengganu. Oleh yang demikian kamu telah **melakukan satu kesalahan berada di rumah judi** di bawah seksyen 22(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama”.*

Peruntukan Undang-undang Kesalahan

Seksyen 22 menyatakan seperti berikut:

Berjudi

22. (1) *Mana-mana orang yang berjudi, atau didapati berada di rumah judi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.*

(2) *Dalam sekyen ini, “rumah judi” ertinya mana-mana premis, termasuk bilik, pejabat atau gerai, sama ada terbuka atau tertutup, yang digunakan atau disimpan bagi maksud perjalanan apa-apa permainan yang keputusannya bergantung kepada nasib atau campuran kemahiran dan nasib, sama ada dibenarkan oleh mana-mana undang-undang lain atau sebaliknya, untuk mendapat wang atau nilai wang.*

Sabitan Dan Hukuman Terhadap Tertuduh

OKT telah disabitkan bersalah dengan kesalahan berada di rumah judi di bawah Seksyen 22 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, dan telah dihukum dengan hukuman denda sebanyak RM 2400.00 atau empat (4) bulan penjara jika gagal membayar denda tersebut. Sabitan dan hukuman tersebut telah dikekalkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah.

Ulasan

Penghakiman kes ini adalah menarik untuk diulas kerana Hakim Rayuan telah membuat dapatan kepada beberapa isu perundangan yang penting, malahan ada di antaranya yang bersifat pertama kali.

Perkara pertama yang menarik untuk diulas ialah berkaitan dengan usaha atau kesungguhan kehakiman (*judicial efforts*) yang telah dibuat oleh Hakim Rayuan untuk mengkategorikan kesalahan berada di rumah judi sebagai kesalahan tanggungan keras (*strict liability*). Hakim Rayuan, dalam usahanya ini telah merujuk kepada prinsip-prinsip dalam perundangan sivil dan juga satu prinsip dalam perundangan Islam yang dinamakan sebagai *Sadd al-Zara`i*.

Pada asasnya, kesungguhan kehakiman ini adalah suatu yang boleh dipuji dan dianggap sebagai suatu usaha yang baik ke arah perkembangan perundangan Syariah di Malaysia. Namun begitu, didapati ulasan yang dibuat oleh Hakim Rayuan ke atas prinsip-prinsip perundangan sivil untuk menjustifikasikan pemakaian tanggungan keras kepada kesalahan yang dipertuduhkan perlu penambahbaikan. Rujukan kepada kes-kes undang-undang utama yang mengulas pemakaian prinsip-prinsip kes-kes tanggungan keras telah tidak dibuat. Dalam hubungan ini, di samping kes *Sulong bin Naim v. PP (1947) 13 MLJ 138* yang telah dirujuk oleh Hakim Rayuan, rujukan kepada kes-kes, antaranya, *Lim Chin Aik v. R (1963) MLJ 50*, *Mohamed bin Ibrahim v. PP (1963) 29 MLJ 289*, *PP v. Osman Apo Hamid (1978) 2 MLJ 38*, *Wen Wuzhuang v. PP [2018] 1 LNS 1676*, dan juga *Siti Noor Aishah Atam lwn. PP [2018] 5 CLJ 44*, bolehlah dibuat oleh Hakim Rayuan untuk mendalami kefahaman dan pemakaian prinsip-prinsip yang dipertimbangkan, terutamanya berkait ciri-ciri atau sifat-sifat kes berkepentingan awam, dalam konteks untuk menjadikan sesuatu kesalahan itu sebagai kesalahan tanggungan keras.

Rujukan kepada prinsip ataupun sumber perundangan *Sadd al-Zara`i* sebagai asas kepada tanggungan keras sesuatu kesalahan adalah dilihat terlalu umum, kerana asas itu juga terpakai kepada banyak kesalahan lain yang berbentuk kesalahan *ta`zir*. Oleh itu, adalah dicadangkan agar kajian dibuat ke atas amalan perundangan Syariah di negara-negara lain mengenai pemakaian kesalahan tanggungan keras dan asas-asas Syarak kepada pemakaian tersebut untuk memperkuat dapatan yang dibuat. Hakim Bicara di dalam kes *Siti Noor Aishah Atam lwn. PP [2018] 5 CLJ 44*, sebagai contohnya, telah merujuk kepada beberapa nas luar dan dalam negara, Hansard (Penyata Rasmi Dewan Rakyat), Akta Tafsiran 1948/1967 dan perihal perkara (*subject matter*) yang terlibat dalam pertuduhan dalam usaha menentukan samada kesalahan di bawah seksyen 130JB Kanun Keseksaan bersifat tanggungan keras.

Dalam kaitan ini juga, rujukan mungkin boleh dibuat kepada kes *Pendakwa Syarie v. Razali bin Saaban [2015] 2 ShLR*, di mana Hakim Syarie, Mahkamah Rendah Syariah Pulau Pinang telah memutuskan kesalahan berada di rumah judi bukanlah suatu kesalahan tanggungan keras. Hakim Bicara menyatakan: -

'...namun persoalan yang timbul adalah adakah semata-mata berada di rumah judi tanpa apa-apa perbuatan yang boleh dikaitkan dengan perlakuan judi seperti berteduh daripada hujan dikira haram dan menyalahi undang-undang. Mahkamah berpandangan keadaan sebegitu tidaklah menjadi suatu kesalahan kerana ianya boleh dianggap tiada apa-apa niat untuk melakukan suatu berkaitan dengan judi. Seksyen tersebut juga tidaklah boleh diambil dan dibaca secara literal semata-mata tetapi perlu difahamai dengan semangat dan ruh hukum syarak.

Seterusnya, berkait dengan isu *alibi*, Hakim Rayuan telah membuat suatu penegasan bahawa Notis *alibi* hendaklah diberikan kepada pihak pendakwaan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum perbicaraan di peringkat pembelaan bermula, bukannya 10 hari sebelum perbicaraan kes di peringkat pendakwaan. Ini adalah suatu penegasan yang penting. Namun didapati tiada sebarang alasan atau autoriti yang dikemukakan oleh Hakim Rayuan bagi menyokong penegasan tersebut. Adalah wajar untuk ditarik perhatian di sini bahawa peruntukan seksyen 197 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu 2001 adalah sama dengan peruntukan Seksyen 402A Criminal Procedure Code sebelum seksyen 402A itu dipinda kepada peruntukan semasa. Peruntukan seksyen 402A semasa telah membenarkan OKT untuk mengemukakan keterangan menyokong *alibi* pada bila-bila masa semasa perbicaraan dengan syarat tertuduh telah memberi notis *alibi* secara bertulis kepada pihak pendakwa dan pendakwa telah diberi masa munasabah untuk menyiasat dakwaan *alibi* tersebut sebelum keterangan menyokong *alibi* boleh dikemukakan. Memandangkan peruntukan seksyen 197 adalah sama dengan seksyen 402A yang terpinda, maka tafsiran yang relevan untuk dirujuk ialah tafsiran yang dibuat oleh Mahkamah sivil ke atas peruntukan terpinda itu. Sehubungan dengan itu, kes-kes seperti *Hussin bin Sillit v PP* [1988] 2 MLJ 232, *Vasan Singh v. PP* [1989] 2 CLJ 402, dan *Mohd Haikal bin Mohd Khatib Saddaly v PP* [2011] 5 CLJ 369, adalah wajar dirujuk oleh Hakim Rayuan untuk menyokong penegasannya.

Dalam kes rayuan ini juga, Hakim Rayuan telah mendapati Hakim Bicara telah tidak menyenaraikan alasan mengapa Hakim Bicara memilih untuk menjatuhkan hukuman secara kombinasi pilihan, iaitu denda atau penjara terhadap Perayu/OKT. Hakim Rayuan menegaskan bahawa Hakim Bicara bertanggungjawab menjelaskan pemilihan kombinasi hukuman secara pilihan tersebut. Namun begitu, penelitian saya kepada penghakiman bertulis Hakim Rayuan juga gagal menemukan alasan bagi mengekalkan kombinasi hukuman tersebut. Di samping itu, faktor-faktor pemberat yang diulas oleh Hakim Rayuan juga sewajarnya menjurus kepada menjustifikasikan mengapa denda RM2400 atau empat (4) bulan penjara jika gagal membayar denda tersebut patut dikekalkan. Berkait dengan penentuan jumlah denda yang sepadan dan munasabah, adalah dicadangkan agar kedudukan kewangan OKT juga wajar diambil kira samada untuk memberatkan atau meringankan hukuman denda tersebut. Penghakiman bertulis juga menunjukkan tiada faktor peringan oleh OKT telah dinyatakan dan diulas oleh Hakim Rayuan.